

SYARAT KEMASUKAN

MATRIKULASI/ASASI

Mendapat sekurang-kurangnya Gred B (NGMP 3.00) pada peringkat Matrikulasi/Asasi dalam mata pelajaran berikut:

- Biologi
- Kimia
- Matematik/Matematik Tambahan/Matematik Lanjutan

DAN Memenuhi syarat am Universiti Kebangsaan Malaysia.

DIPLOMA

Memiliki Diploma Kesihatan Persekitaran atau Sains Kesihatan dari Institusi Pendidikan yang diiktiraf oleh Universiti dan Kerajaan Malaysia atau Kolej Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 3.50 DAN Calon dikehendaki mengemukakan transkrip akademik DAN Memenuhi syarat am Universiti Kebangsaan Malaysia.

LEPASAN STPM

Mendapat sekurang-kurangnya Gred B (NGMP 3.00) dalam mata pelajaran berikut:

- Biologi
- Kimia
- Matematik/Matematik Tambahan/Matematik Lanjutan

DAN Memenuhi syarat am Universiti Kebangsaan Malaysia.

MATRIKULASI KPM/ ASASI/A-LEVEL

Mendapat sekurang-kurangnya Gred B (NGMP 3.00) pada peringkat STPM/Matrikulasi KPM/Asasi/A-Level (Bukan Tahun Semasa) dalam mata pelajaran berikut:

- Biologi
- Kimia
- Matematik/Matematik Tambahan/Matematik Lanjutan

DAN Memenuhi syarat am Universiti Kebangsaan Malaysia.

PROSPEK KERJAYA

- Ahli Kesihatan Persekitaran dan pegawai yang mengamalkan bidang kesihatan persekitaran di Kementerian Kesihatan, Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan & Kerajaan Tempatan, dan badan-badan berkanun lain
 - Pegawai Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan di sektor swasta dan industri
- Pegawai penyelidik di sektor awam dan swasta
 - Ahli keselamatan makanan di syarikat dan industri makanan
- Ahli akademik di institusi pengajian awam dan swasta
 - Amalan persendirian

UNTUK MAKLUMAT LANJUT
SILA HUBUNGI

KETUA PROGRAM KESIHATAN PERSEKITARAN & KESELAMATAN INDUSTRI

Pusat Pengajian Sains Diagnostik dan Kesihatan

Gunaan

Fakulti Sains Kesihatan

Universiti Kebangsaan Malaysia

Jalan Raja Muda Abdul Aziz

50300 Kuala Lumpur

Telefon: 03 – 2687 8136

Faks: 03 – 2687 8137

E-MEL : ppfskb@fskb.ukm.my

URL : <http://www.fsk.ukm.my>



PROGRAM KESIHATAN PERSEKITARAN & KESELAMATAN INDUSTRI

FAKULTI SAINS KESIHATAN

PROSPEKTUS PROGRAM



PENGENALAN

Pembangunan negara Malaysia adalah berteraskan alam sekitar, sumber asli dan industri. Dengan iltizam ke arah mencapai status negara maju, Wawasan 2020 negara menghendaki bumi terus subur dan produktif serta persekitaran yang terus berkualiti. Untuk mencapai matlamat tersebut, pelbagai usaha dalam bidang pendidikan telah dijalankan. Justeru, pendidikan kesihatan persekitaran dan keselamatan industri perlu ditiitikberatkan bagi memelihara dan membaiki kualiti alam sekitar serta memberi kesedaran untuk menjamin kesihatan, kesejahteraan, keselamatan dan kesejahteraan hidup masyarakat pada masa kini dan akan datang.

Kesihatan Persekitaran dan Keselamatan Industri merupakan bidang yang penting bagi meningkatkan taraf kesihatan masyarakat dan keselamatan pekerja melalui peningkatan kualiti persekitaran yang sihat dan selamat. Ini meliputi kualiti udara, air, tanah dan bunyi, pengurusan sisa bermudarat dan sisa pepejal yang berkesan serta pelbagai aspek kesihatan dan keselamatan pekerjaan yang lain.

Program Kesihatan Persekitaran dan Keselamatan Industri yang ditawarkan oleh Fakulti Sains Kesihatan dirangka bagi memastikan salingkait di antara kesihatan dan persekitaran serta kepentingan isu kesihatan dan keselamatan di industri difahami. Selain daripada itu ia juga mengkaji kesan pembangunan, sosiobudaya serta persekitaran fizikal dan mental terhadap kesihatan. Program ini juga menitikberatkan kepentingan pembangunan lestari dalam pencegahan dan pengawalan masalah kesihatan persekitaran.

Program Kesihatan Persekitaran dan Keselamatan Industri di fakulti ini meliputi skop yang luas di mana ia membenarkan graduan diterima oleh pelbagai sektor ekonomi negara sama pihak swasta, kerajaan atau badan berkanun.

Secara umumnya, program ini bertujuan untuk melahirkan graduan yang :

1. Faham tentang hubungan antara manusia dengan alam sekitar, tempat tinggal dan persekitaran kerja.
2. Berpengetahuan, berkebolehan dan berkemahiran tinggi dalam menangani masalah kesihatan persekitaran dan keselamatan industri.
3. Berilmu, bertanggungjawab serta peka terhadap cabaran isu semasa kesihatan persekitaran dan keselamatan industri.
4. Mampu menyediakan latihan dan khidmat masyarakat berkaitan kesihatan persekitaran dan keselamatan industri.
5. Mempunyai kepakaran saintifik bagi menyokong pengubalan dasar dalam usaha meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kesihatan persekitaran dan keselamatan industri.
6. Menyokong dasar kerajaan untuk memberikan perkhidmatan kesihatan persekitaran dan keselamatan industri yang cemerlang.
7. Mampu menyumbang kepada pembangunan prasarana untuk latihan dan penyelidikan kesihatan persekitaran dan keselamatan industri.

IJAZAH DIKURNIA

SARJANAMUDA

KESIHATAN PERSEKITARAN DENGAN KEPUJIAN

JANGKAMASA PENGAJIAN

Empat tahun (lapan semester)

KEPERLUAN UNIT PENGIJAZAHAN

145 unit pengajian / 8 semester

KURSUS-KURSUS TERAS

- Fisiologi Manusia
- Sains Tingkahlaku
- Anatomi Manusia
- Mikrobiologi Persekitaran
- Biokimia Metabolisme
- Prinsip Kesihatan Persekitaran
- Kimia Persekitaran Asas
- Kimia Persekitaran Lanjutan
- Sains Persekitaran
- Persampelan & Analisis Kesihatan Persekitaran
- Kesihatan & Keselamatan Pekerjaan
- Kesihatan Masyarakat & Epidemiologi
- Patologi Asas
- Parasitologi Perubatan
- Entomologi Perubatan
- Toksikologi Asas
- Kualiti Air
- Kualiti Udara
- Penyakit Pekerjaan & Persekitaran
- Biostatistik
- Kualiti & Keselamatan Makanan
- Penyelidikan Kesihatan Persekitaran
- Penilaian Risiko Kesihatan
- Toksikologi Industri & Persekitaran
- Kaedah Penyelidikan
- Ergonomik
- Higen Industri
- Perundangan Kesihatan Persekitaran & Prosedur Pendakwaan
- Pengurusan Bahan Bermudarat & Sisa Pepejal